

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

03 April 2015

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### Memacu Penyeliaan

Kod Pelabur Institusi di Malaysia yang telah dilancarkan Jun tahun lepas dapat menegakkan lagi peranan yang perlu dimainkan oleh pasaran berbanding pihak berkuasa dalam aspek urus tadbir korporat (*self governance*). Ini sememangnya digariskan di dalam Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat 2011, seterusnya membantu membangunkan lagi landskap tadbir urus korporat negara.

Gabungan usaha antara pemegang saham minoriti, baik besar mahupun kecil, boleh menjadi pengaruh yang kuat bagi perubahan positif. Mereka dapat mempengaruhi dan memacu prestasi dan akauntabiliti lembaga pengarah, seterusnya memacu nilai jangka panjang bagi pemegang saham yang lebih mampan.

Pemegang saham perlu menggunakan peluang untuk memulakan dialog dengan syarikat mereka mengenai perkara-perkara asas berkaitan tadbir urus serta menyoal dan mengawasi mengenai strategi operasi serta kewangan syarikat. Namun ini perlu dilakukan secara berhati-hati. Kami tidak mahu melihat pelabur institusi terlibat secara langsung dalam operasi dan strategi perniagaan syarikat, mahupun memberitahu bagaimana untuk menjalankan perniagaan mereka. Kepakaran domain pelabur institusi adalah dalam pengurusan portfolio dan peranan pengawasan sebagai penyelia (*steward*).

Oleh itu adalah penting terutamanya bagi pelabur institusi sebagai memegang amanah wang pencarum supaya telus mengenai bagaimana mereka mengendalikan urusan mereka. Satu set prinsip amalan terbaik yang universal telahpun dikodkan untuk pelabur institusi supaya orang awam memahami bagaimana wang mereka akan dilindungi. Selain itu, syarikat pula tidak perlu meneka apa yang berada dalam fikiran pelabur institusi mereka.

Ini boleh dilakukan dengan memberitahu secara telus bagaimana mereka mengamalkan praktis tersebut di laman web seperti bagaimana mereka menguruskan konflik yang mungkin timbul atau apakah polisi pengundian mereka serta polisi dividen sekiranya wujud. Ini dijangka boleh menggabungkan tadbir urus yang kukuh dan aspek kelestarian dalam proses membuat keputusan.

Walaupun pemakaian Kod ini adalah secara sukarela, pelabur institusi digalakkan untuk menjadi signatori sebagai tanda komitmen dan penglibatan mereka dalam prinsip-prinsip tersebut.

Selepas sembilan bulan dari tarikh ianya dilancarkan, hanya terdapat enam signatori bagi Kod tersebut. Kami ingin melihat pemilik-pemilik aset di Malaysia menjadi signatori Kod tersebut kerana kod telus ini adalah sesuatu yang diinginkan oleh masyarakat serta pemilik wang amanah ini.

Tugas untuk memastikan penerima-pakai yang meluas di kalangan pelabur institusi adalah tanggungjawab pelabur institusi itu sendiri. Ini bukanlah satu cabaran yang terlalu sukar untuk diatasi, mengambilkira manfaat besar yang bakal diperolehi, seperti penghasilan nilai jangka panjang yang mampan kepada pelanggan dan pemegang-pemegang berkepentingan.

Dalam beberapa kes baru-baru ini, kami telah melihat perkembangan yang menggalakkan di mana pemegang saham minoriti telah memilih untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam pelaburan mereka dalam isu tawaran pengambilalihan serta dalam isu menyuarakan kebimbangan dan memulakan tindakan penyiasaan.

Campur tangan oleh pemegang saham minoriti dan perhatian media berikutan itu telah mewujudkan bagaimana syarikat patut menjaga tatacara kelakuan mereka.

Kami berharap pemegang saham minoriti, baik institusi mahupun runcit akan memainkan peranan mereka sebagai penyelia untuk memperolehi justifikasi bagi resolusi-resolusi yang akan dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan, termasuklah ganjaran pengarah yang akan dibincangkan. Komitmen masa pengarah juga adalah isu penting di mana pemegang saham patut memohon penjelasan daripada Lembaga Pengarah, terutamanya jika pengarah tersebut juga memegang jawatan eksekutif di dalam syarikat tersenarai awam yang lain.

Kami berharap sebagai penyelia, pemegang saham akan mengajukan soalan mengenai kepelbagaian lembaga pengarah, termasuklah kepelbagaian gender, yang merupakan isu tadbir urus yang penting. Seperti yang sering kami katakan, ketelusan yang lebih tinggi dan penglibatan pemegang saham yang aktif akan membawa kepada perilaku syarikat yang lebih bertanggungjawab dan boleh mewujudkan nilai yang lebih tinggi.

Melalui kolaborasi dengan pelbagai pemegang kepentingan dalam pasaran, pemegang saham minoriti akan dapat mempromosikan amalan perniagaan yang baik, seterusnya akan menggalakkan pelaburan secara bertanggungjawab, di mana ini boleh menyumbang kepada pasaran yang berfungsi dengan baik secara sah: satu situasi yang menguntungkan semua pihak yang terlibat.

Salam.

Rita

---

## **PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA**

### ***INTEGRAX BERHAD (“INTEGRAX”) / TENAGA NASIONAL BERHAD (“TNB”)***

TNB telah memaklumkan kepada Integrax bahawa pada 30 Mac 2015 ia telah menerima penerimaan yang sah berkaitan tawaran yang disemak semula yang menyebabkan TNB memegang secara agregat,

bersama-sama dengan saham Integrax yang sudah dipegang atau layak untuk diambilalih atau dipegang oleh TNB, lebih daripada 50% saham boleh undi di dalam Integrax.

Berikutan pemberitahuan daripada TNB, Lembaga Pengarah Integrax mengumumkan bahawa Integrax sudah tidak memenuhi keperluan tebaran pegangan saham awam menurut perenggan 8.02(1) Keperluan Penyenaian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Peraturan pegangan saham awam Syarikat adalah sebanyak 24.42% pada 30 Mac 2015.

Lembaga Pengarah akan berbincang mengenai perkara ini dan pengumuman lanjut mengenai tebaran pegangan saham awam akan dilakukan selepas tamat tempoh tawaran pada 31 Mac 2015.

Seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 4 Dokumen Tawaran, Pemberi Tawaran tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaian Integrax dan tidak berhasrat untuk menangani sebarang kekurangan untuk memenuhi keperluan tebaran pegangan saham awam jika Integrax tidak memenuhi keperluan tebaran pegangan saham disebabkan oleh penerimaan yang diterima di bawah Tawaran ini.

*[Sumber: Pengumuman oleh Integrax di laman web Bursa Malaysia pada 31 Mac 2015]*

#### **KOMEN MSWG:**

Pergelutan yang telah mengambil masa yang agak lama ini sudah hampir mencapai penghujungnya dengan Tenaga kini memiliki lebih daripada 50% kepentingan ekuiti di dalam Integrax sehari sebelum tarikh tutup Tawaran pada 31 Mac 2015, seterusnya menjadikan Tawaran tersebut sebagai tidak lagi bersyarat.

Memandangkan kini Tawaran tersebut telah menjadi tidak bersyarat, kita perlu menunggu sama ada Tenaga boleh mendapatkan penerimaan yang mencukupi untuk melaksanakan pengambilalihan wajib bagi kesemua baki saham di mana penerimaan tidak diberikan. Menurut Kod Pengambilalihan dan Penggabungan Malaysia 2010, Tawaran yang disemak semula tersebut boleh dilanjutkan selama 14 hari dari tarikh tawaran tersebut menjadi tidak bersyarat (30 Mac) dan oleh itu, tempoh penerimaan akan masih dibuka sehingga 5.00 petang pada 13 April 2015.

Walau bagaimanapun, walaupun pengambilalihan wajib tidak dicapai, Integrax tidak memenuhi keperluan tebaran pegangan saham awam seperti yang diumumkan di laman web Bursa Malaysia dan Tenaga tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaian dan tidak berhasrat untuk menangani kekurangan tebaran pegangan saham awam.

#### ***PARKSON HOLDINGS BERHAD (“PHB”)***

Satu pengumuman kepada The Stock Exchange of Hong Kong Limited (“HKEx”) pada 31 Mac 2015 telah dilakukan oleh Parkson Retail Group Limited (“PRGL”), sebuah subsidiari milik 53.07% PHB yang disenaraikan di Hkex, menurut peruntukan maklumat dalaman di bawah bahagian XIVA Ordinan Sekuriti dan Pasaran Hadapan (Bab 571 Undang-Undang Hong Kong) dan Peraturan 13.09(2)(a) di bawah Peraturan-Peraturan Pentadbiran Penyenaian Sekuriti di Hkex (“Pengumuman PRGL”).

Menurut award timbang tara bertarikh 25 Mac 2015 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Timbang Tara Ekonomi and Perdagangan Antarabangsa China (“Suruhanjaya Timbang Tara”), Suruhanjaya Timbang Tara telah memberikan award yang menyebelahi tuan punya Premis (menurut definisi di dalam Pengumuman PRGL) yang merupakan pihak ketiga yang bebas (“Tuan Punya”) dan mengarahkan supaya

Parkson Retail Development Co., Ltd. (subsidiari milik penuh tidak langsung PRGL) (“Penyewa”) untuk, antaranya, membayar kepada Tuan Punya yuran sebanyak RMB36,757,641.60 sebagai bayaran menduduki Premis selepas penamatan Perjanjian Penyewaan (menurut definisi di dalam Pengumuman PRGL) dan sewa sebanyak RMB89,923,270.22 (yang merupakan perbezaan di antara jumlah sewa yang telah dibayar oleh Penyewa dan jumlah sewa yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Timbang Tara untuk dibayar oleh Penyewa).

[Sumber: Pengumuman PHB di laman web Bursa Malaysia pada 31 Mac 2015]

### **KOMEN MSWG:**

Pengumuman mengenai perkembangan kurang baik ini berfungsi sebagai satu panduan keuntungan atau amaran mengenai jangkaan impak negatif ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Mengambil kira kepentingan ketelusan dan ketepatan masa maklumat diberikan, penzahiran seperti ini juga memenuhi kepentingan pemegang saham dan para pelabur, kerana ia membantu mereka membuat keputusan secara berpengetahuan mengenai tindakan yang perlu diambil ke atas pelaburan mereka.

---

## **Penganalisa MSWG**

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat [chongcf@mswg.org.my](mailto:chongcf@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Shahnul Niza Bin Dato’ Dr. Mohd Yusof, Pengurus, Pemantauan Korporat [shahnul.niza@mswg.org.my](mailto:shahnul.niza@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my)

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*